

17 JUL 2001

KU LI HARGAI JASA MAHATHIR SEBAGAI PM SELAMA 20 TAHUN

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah hari ini menyatakan penghargaan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di atas jasanya kepada bangsa dan negara sepanjang tempoh 20 tahun menjadi Perdana Menteri.

Katanya, Dr Mahathir telah banyak menabur jasa terutamanya bagi orang Melayu dengan menanam perasaan yakin pada diri.

"Beliau juga dapat menyemai semangat harmoni antara kaum dan membawa kestabilan politik dan ekonomi di negara ini," katanya kepada pemberita ketika diminta pandangan mengenai Dr Mahathir, yang genap 20 tahun menjadi Perdana Menteri Malaysia semalam.

Beliau sebelum itu mempengerusikan mesyuarat Kongres Pendidikan Melayu Pertama di kediamannya di sini.

Tengku Razaleigh berharap Dr Mahathir akan membawa lebih banyak idea dan perubahan untuk negara selaras dengan tuntutan masyarakat sekarang.

-- BERNAMA
AFY ZS AKD